

TEKS UCAPAN
Y.BHG. BRIG. JEN. DATUK SERI PANGLIMA DR.
KAMARUZAMAN HJ. AMPON
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN SUKAN STAFF KE-11
PADA
06HB NOVEMBER 2010 (ISNIN)
BERTEMPAT DI
LAMAN GRADUAN, DEWAN CANSELOR

SALUTASI

Y. Brs. Prof. Dr. Amran Ahmed

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Y. Brs. Prof. Dr. Rosnah Ismail

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Y. Brs. Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur

Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni)

Y. Brs. En. Abdullah Hj. Mohd. Said

Pendaftar UMS

Merangkap Pengerasi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan

Staff UMS ke-11

Para Pegawai Utama dan Kanan Universiti

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan UMS,

Para Ketua Kontinjen

Kakitangan UMS

Para Hadirin dan Hadirat sekalian,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Sabah Ke-11.

Saya percaya semenjak kejohanan ini berlangsung pada 28 November yang lalu, pelbagai pengalaman dan kenangan manis telah kita kecapi bersama. Bagi yang berjaya sudah pasti ia akan menjadi satu coretan kegembiraan, dan bagi yang kurang bernasib baik, jangan berputus asa, teruskan bergiat aktif dalam bersukan. Insyaallah tahun depan mungkin giliran anda yang akan menjadi pemenang seterusnya.

Apa yang penting, semangat berpasukan dan semangat juang yang tinggi terus kita amalkan terutamanya untuk diaplikasi di organisasi masing-masing dalam menjalankan tugasan harian. Biarlah kita sebagai warga kakitangan UMS sentiasa bekerja secara berpasukan melalui hubungan kerjasama erat yang terjalin mesra sejak sekian lamanya. Dengan semangat 1Malaysia, 1UMS, Kampus Ceria, kita mampu meningkatkan kebolehan diri dari semasa ke semasa dan mempelbagaikan produktiviti kerja sekaligus menjadi pemangkin kecemerlangan universiti yang kita cintai ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Adalah juga menjadi harapan saya agar kejohanan kali ini akan menjadi platform dalam memastikan Universiti Malaysia Sabah terus unggul dalam kejohanan sukan yang lebih besar. Ini termasuklah Kejohanan Sukan Staf peringkat Istitusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang akan berlangsung tahun hadapan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM). Biarlah semangat juang dan kecemerlangan yang ditunjukkan pada Kejohanan Sukan Staf kali ini akan diterjemahkan dengan lebih membara pada kejohanan tersebut nanti.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada Jawatankuasa Pelaksana yang telah bertungkus-lumus bagi memastikan kesinambungan Kejohanan Sukan Staff UMS ini diteruskan dan ditingkatkan di semua peringkat kakitangan UMS. Tahniah diucapkan kepada semua ketua kontinjen,

SUPT. (K) Prof. Madya Dr. Shariff A.K Omang
Ketua Kontinjen D'KAL

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Yusuf Abdullah
Ketua Kontinjen D'ARTS

Prof. Madya Dr. Hamid Ahmad
Ketua Kontinjen Esteem

En. Mohd Raffie Hj. Janau
Ketua Kontinjen TWIN TOWER

Ir. Mohd. Roslee Mohd. Ali Lee
Ketua Kontinjen 5 STAR

Mejar Haznain Ngamil
Ketua Kontinjen D-G

Terima kasih atas komitmen dan usaha yang ditunjukkan bagi sama-sama menjayakan penganjuran kejohanan sukan staf UMS pada kali ini. Tidak lupa juga kepada semua atlit dan pengurus-pengurus acara sukan yang bertungkus-lumus mengadakan latihan sehingga menjadikan sukan staf pada kali ini medan persaingan sengit dalam kalangan para kakitangan yang bertanding.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyeru kepada semua warga kerja UMS agar terus bergiat aktif dalam bersukan dan rekreasi. Ingatlah bahawa dengan bersukan kita akan sentiasa sihat dan cergas sekaligus menceriakan suasana alam kehidupan kita sebagai warga kerja UMS yang cemerlang.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmannir Rahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Staf Ke-11 Universiti Malaysia Sabah.

MAJULAH SUKAN UNTUK NEGARA!

Sekian, Assalamualaikum W.B.T